

Soalan 21

- (a) **Padankan** perkataan yang betul bagi melengkapkan ayat. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

(i) Puan Lai Sing menjual halwa betik itu _____ kawan-kawannya.

pada

(ii) Pak Atan memberi itiknya makan _____ setiap pagi.

oleh

(iii) Benih jagung itu ditanam _____ kakak Xue Yang.

kepada

(iv) Pak Cik Samad membuat perabot _____ rotan.

daripada

[2 markah]

- (b) Tulis betul atau salah bagi penggunaan perkataan yang bergaris dalam ayat.

(i) Berita tentang kejayaan Encik Halim sebagai peneroka FELDA disiarkan dalam surat khabar.

(ii) Mak Cik Fong mahir menganyam tikar daripada daun mengkuang itu.

[2 markah]

- (c) Pilih **simpulan bahasa** yang sesuai dan tulis pada ruangan yang disediakan.

buah tangan

bulat hati

ringan tulang

memeras keringat

mengambil berat

Ayat	Simpulan Bahasa
(i) Pada setiap hari, Guang Yao membantu ayahnya menjual buah-buahan di gerai mereka.	
(ii) Encik Raju bersungguh-sungguh untuk menjalankan perniagaan pakaian.	

[2 markah]